

# → HALAMAN KOTA

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



Kami mengambil langkah muktamad mengejar apa yang tidak dilakukan sebelum ini dan memperbetul kelemahan dalam ekosistem pengangkutan awam bagi memberikan perkhidmatan yang jauh lebih baik kepada rakyat, khususnya penduduk bandar”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri



**Najib merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembinaan MRT jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) di Putrajaya Sentral, Putrajaya, sambil diperhatikan Shahril (dua dari kanan); Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (tiga dari kiri); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan (empat dari kiri); Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (tiga dari kanan) dan Ali (kanan), semalam.**

## MRT lambang pemodenan Malaysia

# ➔ Pengangkutan moden atasi kesesakan, jadikan Kuala Lumpur berkelas dunia

Oleh Che Wan Badrul Alias, Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

## ➔ Putrajaya

**P**embinaan Mass Rapid Transit (MRT) jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) akan melonjakkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Lembah Klang sebagai ibu kota berkelas dunia, selain meningkatkan tahap kesesuaian untuk didiami.

Datuk Seri Najib Razak berkata, projek rel sepanjang 52.2 kilometer itu adalah satu lagi lambang pemodenan Malaysia dan bukti komitmen kerajaan yang tidak berbelah-bahagi untuk melakukan

transformasi besar-besaran terhadap pengangkutan awam khususnya di Lembah Klang.

### Atasi masalah kesesakan

Tambah Perdana Menteri, kurangnya tumpuan kepada pembangunan pengangkutan awam sejak berdekad lalu menyebabkan kesannya dirasai hari ini, yang bukan sahaja menimbulkan kesesakan trafik di Lembah Klang tetapi juga bandar lain, malah sehingga ke lebuhraya.

“Kesan kesesakan trafik menyebabkan mana-mana bandar tidak ideal untuk diduduki, selain tidak menarik kepada pelancong dan pelabur. Bandar di rantau ini sedang berusaha mencapai taraf berkelas dunia dan kita tidak boleh kalah atau menjadi kurang kompetitif.

“Justeru, kami mengambil langkah muktamad mengejar apa yang tidak dilakukan sebelum ini dan memperbetul kelemahan dalam ekosistem pengangkutan awam bagi memberikan perkhidmatan yang jauh lebih baik kepada rakyat, khususnya penduduk bandar.

“Sebagai Perdana Menteri, saya akan terus memberi sepenuh perhatian kepada pemodenan pengangkutan awam sejajar matlamat pentadbiran saya ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,’ ka-

## Fakta nombor

# 37 STESEN

di jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (26 laluan biasa, 11 laluan bawah tanah)

# 2 JUTA

penduduk dijangka memperoleh manfaat daripada projek MRT SSP

# 529,000 PENGGUNA

harian dianggarkan menaiki MRT SSP

tanya ketika berucap pada majlis pecah tanah MRT SSP berdekatan Putrajaya Sentral, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kabinet; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar dan Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transport Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Seri Shahril Mokhtar.

### Dua fasa pelaksanaan

Projek MRT SSP yang menelan belanja RM32 bilion dilaksanakan melalui dua fasa dengan fasa pertama membabitkan laluan Sungai Buloh ke Kampung Batu yang dijangka siap pada suku kedua tahun 2021 dan laluan Kampung Batu ke Putrajaya Sentral yang dijangka siap pada suku kedua 2022.

Perdana Menteri berkata, stesen MRT SSP di Putrajaya Sentral akan memenuhi keperluan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Cyberjaya, yang membolehkan penumpang sampai ke Kuala Lumpur dalam masa 30 minit.

“Perkhidmatan ini juga membolehkan pertukaran dengan perkhidmatan rel sedia ada termasuk KTM Komuter, Transit Aliran Ringan (LRT), monorel dan Express

Rail Link (ERL), selain Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura kelak, yang membolehkan kita sampai ke Singapura dalam masa 90 minit.

“Inilah bayangan masa depan Malaysia yang moden dan kita mesti pastikan semua projek ini siap mengikut jadual dan bajet,” katanya.

Perdana Menteri juga mahu faktor kebolehpercayaan dalam semua sistem pengangkutan awam diberi penekanan, selain memastikan kepuasan pelanggan berada pada tahap setinggi mungkin.

Sementara itu, Ali, yang juga Pengerusi MRT Corp berkata, MRT SSP akan memberi kesan besar kepada penduduk Putrajaya dan Cyberjaya, termasuk penjawat awam.

“Penjawat awam yang menetap di Putrajaya dan bekerja di Lembah Klang boleh menggunakan perkhidmatan MRT. Sebagai contoh, mereka yang tinggal di sini dan bekerja di Kementerian Pertahanan (di Kuala Lumpur),” katanya.



### Untuk video

layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)



Baki pakej kerja MRT SSP diagih tidak lama lagi - MsB2

**ADUAN PEMBACA**

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

→ **HALAMAN KOTA**

**Reaksi**



Buat masa ini saya tiada masalah dari segi perkhidmatan kerana semuanya kelihatan baik dan lancar namun, dari aspek keselamatan ia perlu diutamakan dan menambah peralatan keselamatan”

**Nur Shahirah Ismail,**  
Pekerja swasta



Inisiatif PRASARANA menyediakan tren baharu secara berperingkat untuk Laluan Kelana Jaya adalah perkara

yang baik”

**Muniandy Krishnan,**  
Pegawai Bank

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]

**SPAD lantik juruaudit nilai operasi LRT**

**Suruhanjaya** Pengangkutan Awam Darat (SPAD), akan melantik juruaudit teknikal bebas secepat mungkin bagi melaksanakan penilaian kebolehpercayaan, ketersediaan, penyelenggaraan dan keupayaan operasi Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Mohd Azharuddin Mat Sah, berkata langkah itu mengambil masa tiga bulan bagi membolehkan penelitian terhadap sistem tidak termasuk dalam skop siasatan Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA).



**Tinjauan orang ramai** yang menggunakan perkhidmatan LRT Aliran Kelana Jaya, semalam.

# Kerja naik taraf LRT laluan Kelana Jaya siap akhir tahun

→ Tingkat sistem bekalan elektrik 15 pencawang, ganti kabel uzur

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin dan Nurul 'Aniqah Sazale  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) akan membelanjakan sejumlah RM250 juta bagi kerja menaik taraf sistem bekalan elektrik Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya yang bermula minggu depan.

Ini dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini membabitkan beberapa komponen penting

sistem bekalan elektrik, termasuk 15 pencawang elektrik serta penukaran kabel yang uzur.

Ketua Pegawai Eksekutif PRASARANA, Datuk Azmi Abdul Aziz, berkata kerja naik taraf itu dilakukan berikutan sistem LRT sedia ada sudah terlalu lama dan tiba masa ditingkatkan.

Katanya, pihaknya juga sedang mengenalpasti kos lain serta melakukan semakan secara menyeluruh pada bahagian yang perlu supaya tidak tertinggal dalam kerja naik taraf berkenaan.

## Elak gangguan

"Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak atas keprihatinannya dan mahu PRASARANA meningkatkan usaha supaya tidak lagi berlaku gangguan seperti baru-baru ini kerana ia menyusahkan rakyat.

"Justeru, kita perlu mempercepatkan usaha naik taraf ini termasuk penukaran kabel elektrik yang sudah uzur. Kita

sedar, antara punca utama disebabkan kabel elektrik sudah berusia 18 tahun dan hampir melepasi jangka hayatnya, iaitu 20 tahun.

"Kita juga akan melihat kabel elektrik lain untuk ditukar supaya tidak perlu tunggu jangka hayat tamat baru tindakan diambil. Kami akan berusaha sedaya mungkin supaya pengguna terus memberi sokongan kepada perkhidmatan pengangkutan awam tidak mengalami masalah," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Pada 7 September lalu, perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya tergendala akibat masalah kabel semboyan dan komunikasi menyebabkan ribuan pengguna terpaksa menunggu hampir enam jam sebelum keadaan pulih sepenuhnya.

Dua hari kemudian, gangguan sama berulang apabila tren terkandas antara stesen Datuk Keramat dan Damai selama lebih sejam berpunca hilang bekalan kuasa elektrik.

Sejurus dua insiden itu, Najib mengumumkan 15 pencawang tenaga elektrik sepanjang laluan berkenaan akan dinaik taraf serta merta.

Perdana Menteri berkata, naik taraf yang mengambil masa tiga hingga enam bulan itu akan memastikan jangka hayat sistem elektrik dipanjangkan, menampung keperluan semasa yang meningkat dan mengambil kira keperluan masa hadapan.

## Tiada halangan isu bajet

Azmi berkata, daripada segi bajet, pihaknya tiada halangan mempercepatkan kerja naik taraf walaupun sepatutnya tempoh jangka hayat kabel mempunyai baki dua tahun lagi.

Mengenai laluan kecemasan digunakan penumpang pada insiden baru-baru ini, katanya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sudah mengarahkan Rapid Rail Sdn Bhd mengkaji semula dan memberi peningkatan kepada prosedur operasi standard (SOP).

## Nilai pelbagai aspek

"Ini membabitkan proses semakan semula dan peningkatan penyelenggaraan aset bagi mencapai kebolehpercayaan lebih tinggi.

"PRASARANA sudah diarah memberikan lebih penekanan terhadap pengesanan masalah secara lebih proaktif bagi memastikan masalah yang dihadapi sebelum ini tidak berulang.

"Kami juga berharap PRASARANA akan melaksanakan tindakan pemulihan segera dengan menggunakan sumber maksimum bagi menaik taraf 15 pencawang kuasa sepanjang laluan terbabit," katanya.

## Semak semula SOP

Mohd Azharuddin berkata, PRASARANA juga perlu menyemak semula dan menambah baik tatacara prosedur operasi standard (SOP) bagi Pelan Keselamatan dan Pemindahan penumpang.

"Ini bagi mengukuhkan proses tindakan kecemasan pengendali dan meningkatkan proses pengguna dengan lebih baik," katanya.

Fakta nombor

15 PENCAWANG

tenaga elektrik sepanjang laluan Kelana Jaya dinaik taraf

3 BULAN

proses penelitian dijalankan